



NIRMALA DUTT STATEMENTS

Siapakah Nirmala Dutt?

Nirmala Dutt (1946-2016) merupakan seorang seniman yang berbicara tentang masalah kemasyarakatan khususnya tentang alam sekitar, kemiskinan bandar, dan kesengsaraan yang dihadapi oleh golongan wanita dan kanak-kanak. Beliau dilahirkan di George Town, Pulau Pinang. Minatnya terhadap seni banyak dipengaruhi oleh bapa saudaranya yang juga seorang seniman dan guru seni di sekolahnya. Nirmala sememangnya sentiasa ingin menjadi seorang seniman. Sewaktu umurnya 16 tahun, karya seninya pernah dipamerkan di International Exhibition of Child Art di Hague. Sepanjang berada dalam dunia kesenian, Nirmala banyak menguji cuba dengan media dan teknik—baik fotografi, lukisan, cetakan sutera saring, kolaj, sehinggalah seni awam.

- a. Kenapakah Nirmala dianggap sebagai seorang perintis? Fikirkan tentang subjek-subjek seni beliau dan media yang beliau gunakan.

KENYATAAN

1. **Kenyataan I (1973)** merupakan karya pertama Nirmala dalam siri Kenyataan. Karya ini merangkumi gambar-gambar tentang masalah pencemaran, surat-khabar, makalah akademik, serta pernyataan bertulis yang mengajak masyarakat untuk menjaga alam sekitar.



Kenyataan (Statement) I
1973, foto dan objek temu
73 × 91 × 124 cm
Himpunan Balai Seni Negara

- Pada pendapat anda, kenapa-kah kita perlu menguar-uarkan masalah pencemaran dan perubahan iklim? Apakah yang akan terjadi jika kita tidak bersuara tentang masalah-masalah ini?
- Lihat gambar-gambar yang dipaparkan dalam karya ini. Berdasarkan pengalaman dan apa yang pernah anda lihat di media, adakah gambar-gambar tersebut biasa anda lihat?
- Selain masalah pencemaran, senaraikan pelbagai masalah dan cabaran lain yang kita hadapi? Masalah apakah yang paling dekat dengan anda? Rangka sebuah karya yang meneroka permasalahan tersebut.
- Pada pendapat anda, bagaimanakah seni boleh mendekatkan kita kepada masalah dan cabaran tersebut?

CIPTA

Apakah kenyataan anda? Hasilkan dan kongsi kenyataan anda!

Sila berjalan di sekitar kawasan kejiranan anda atau lawati tempat-tempat yang sering anda kunjungi; tempat-tempat tersebut misalnya taman, sekolah atau pasar. Perhatikan sama ada wujud atau tidak pencemaran di tempat-tempat tersebut dan kumpulkan bukti. Ambil gambar, video atau audio sebagai bukti pencemaran air, bunyi, atau tanah. Anda boleh juga menulis tentang apa yang anda lihat dan baca artikel-artikel di atas talian bagi menyokong bukti yang anda temui. Kumpulkan bahan-bahan dan gunakan kreativiti anda untuk membangunkan kenyataan berdasarkan media campuran anda sendiri. Kongsi kepada kawan-kawan, keluarga, dan di media sosial!

2. **Kenyataan I** juga turut disertakan dengan sebuah instalasi sampah-sarap dan bahan buangan industri sebenar yang diambil dari Jalan Damansara ketika ia dipamerkan di Balai Seni Negara bersempena pertandingan yang berjudul *Man and His World*.

- Pada pendapat anda, kenapa-kah seniman ini menggunakan pelbagai jenis media (instalasi, penulisan, gambar) untuk menyampaikan mesej? Jelaskan tentang peri penting setiap media ini dan peranannya dalam menyampaikan mesej.
- Instalasi sampah-sarap dan bahan buangan yang Nirmala hasilkan merupakan instalasi pertama yang pernah dipamerkan di Balai Seni Negara. Pada pendapat anda, apakah yang menyebabkan karya instalasi berkesan?

BELAJAR

Kenyataan /ke.ny.a.ta.an/
Kenyataan merupakan istilah bahasa Melayu yang bermaksud pernyataan tentang sesuatu pegangan baik melalui penulisan, ucapan, atau tindakan. Istilah kenyataan juga membawa maksud “realiti” iaitu merujuk kepada sesuatu yang dianggap benar. Kenyataan juga boleh merujuk kepada pernyataan yang dibuat di mahkamah.
Adakah cara pandang anda terhadap karya *Kenyataan* Nirmala Dutt telah berubah setelah memahami makna istilah kenyataan? Jika ya, bagaimana dan kenapa?

- Terdapat lebih banyak gambar yang dimasukkan di dalam karya *Kenyataan III*, termasuklah gambar kanak-kanak. Gambar kanak-kanak yang tinggal kawasan setingan di Kampung Batu 4 Jalan Damansara ini dirakam selama 4 tahun bermula pada tahun 1975 dan kemudiannya pada tahun 1979. Secara perbandingan, kita dapat lihat bagaimana kawasan berdekatan iaitu Bukit Damansara dan Bangsar semakin pesat membangun sehingga menjadi sebuah kawasan kejiranan yang mewah.
 - Perhatikan gambar-gambar yang dirakam pada kedua-dua tahun tersebut, lihat raut wajah dan latar belakang mereka. Tuliskan apa yang anda lihat. Cari persamaan dan perbezaan antara gambar-gambar tersebut.
 - Apakah yang anda rasa setelah melihat karya ini? Adakah media ini berkesan?
 - Pada pendapat anda, adakah kawasan kejiranan anda sudah berubah sejak 4 tahun lalu? Buat carian atas talian atau tanya orang di sekeliling anda untuk mendapatkan buktinya.
- Gambar-gambar ini mempunyai sari kata yang berbunyi: “Bagi kanak-kanak ini, perubahan tidak banyak...berbanding dengan pembangunan di Bukit Damansara/Bangsar.” Walaupun kenyataan tersebut nampak biasa, jika digandingkan dengan gambar, karya tersebut menjadi sebuah esei bergambar yang mengisahkan tentang masalah pembangunan tidak seimbang di kedua-dua tempat tersebut.
 - Apakah pesanan yang ingin disampaikan oleh seniman ini? Siapakah yang sebenarnya mendapat manfaat daripada kemodenan? Jika modenisasi adalah lambang kemajuan, terdapatkah kumpulan-kumpulan masyarakat yang tersepit di celah modenisasi?
 - Kenapa-kah seniman ini memilih untuk merakam gambar kanak-kanak bukannya gambar kawasan tersebut semata-mata? Apakah pentingnya gambar kanak-kanak dalam karya yang menyentuh tentang kemiskinan bandar, alam sekitar, dan pembangunan tersebut? Apakah yang mungkin terjadi kepada mereka?

GLOSARI

Instalasi Seni Instalasi seni atau turut disebut sebagai “seni instalasi” atau “persekitaran” merupakan karya seni tiga dimensi yang dibina di sesebuah tempat (dan kadangkala tempoh masa tertentu) bagi memberikan sebuah pengalaman yang unik. **Dokumentari bergambar** Merupakan sebuah genre fotografi yang cuba untuk meriwayatkan sesuatu subjek atau peristiwa. **Objek temu** Merupakan sebuah objek yang asalnya dihasilkan bukan untuk tujuan seni tetapi digunakan semula dalam konteks kesenian. **Esei bergambar** Esei bergambar merupakan suatu bentuk penceritaan berdasarkan gambar.



Kenyataan (Statement) III
1979, foto, 127 × 227 cm
Himpunan Balai Seni Negara



Topik tentang pengusiran sering dibincangkan bersama dengan topik tentang “rumah” dan “kepemilikan.” Dalam karya ini, si seniman menggunakan perlambangan ibu dan anak. Dengan melihat karya-karya ini dan mengimbuai kembali pengalaman anda sendiri, apakah makna “rumah” dan “kepemilikan” bagi anda? Apakah yang anda nampak jika anda fikirkan tentang “rumah” dan “kepemilikan”?



GLOSARI

Kolaj Istilah ini berasal daripada kata kerja dalam bahasa Perancis iaitu *coller* yang membawa maksud “menampal”. Kolaj merujuk kepada teknik dan seni yang terhasil daripada proses menampal cebisan kertas atau bahan lain secara bersama di sesuatu permukaan. **Montaj-gambar** Sebuah karya kolaj yang mengguna pakai cebisan gambar. **Cetakan sutera saring** Sebuah teknik cetakan stensil menggunakan kain (misalnya sutera, atau bahan sintetik lain) yang dilekatkan pada bingkai kayu sehingga menjadi tirai. Bahagian tirai yang bukan sebahagian daripada gambar akan ditutup dengan menggunakan pelbagai kaedah stensil. Bahagian tirai yang tidak tertutup akan dilumurkan dengan cat atau dakwat, kemudiannya disekek dengan pada permukaan kertas. Cetakan saring biasanya menghasilkan warna yang ketara dan kasar. Teknik ini turut dikenali sebagai sutera saring dan serigraf.

5. Siri karya *Kampung Polo* ini menyentuh tentang pengusiran paksa dan perobohan rumah yang terjadi di Kampong Polo. Nirmala bermain-main dengan seni cetakan sutera saring bagi memaparkan gambar-gambar keratan akhbar tentang peristiwa tersebut.

- Perhatikan karya-karya ini dan buat perbandingan. Apakah persamaan dan perbezaan yang ada?
- Seterusnya, kenal pasti citra-citra yang sering muncul dalam karya-karya ini? Kenapakah citra-citra tersebut sentiasa muncul? Pada pendapat anda, kenapakah seniman ini menggunakan citra-citra tersebut di dalam karyanya?
- Kenapakah seniman ini memasukkan gambar-gambar keratan akhbar di dalam karyanya? Seniman ini sering menggunakan kaedah pengulangan dalam karya ini serta dalam karya beliau yang lain. Kenapakah demikian? Apakah peranan pengulangan dalam memberi penekanan terhadap perasaan dan pemikiran?

Dari atas ke bawah

Kampung Polo

1983, cetakan sutera saring dan akrilik di atas kanvas, 122 × 206 cm
Himpunan the Estate of Nirmala Dutt

Kampung Polo VI

1982, cetakan sutera saring dan akrilik di atas kanvas, 133 × 164 cm
Himpunan Persendirian

Karya *Membalak Jangan Seberangan* (1989–1990) diambil daripada pepatah Melayu iaitu *sudah jatuh ditimpa tangga*. Pepatah tersebut menggambarkan tentang malapetaka yang datang menimpa-nimpa. Karya tersebut meminjau dan mengguna pakai corak tenunan masyarakat Penan—suku asli di Sarawak—serta gambar-gambar masyarakat Penang pada permukaan kertas.

6. Karya *Membalak Jangan Seberangan, Nanti Ditimpa Balas II* terdiri daripada tiga bentuk komposisi. Terangkan apa yang anda lihat pada setiap lapisan tersebut. Apakah yang anda faham tentang gambar-gambar tersebut? Gunakan petunjuk berikut:

- Apakah yang anda lihat pada lapisan paling atas? Warna dan corak pada lapisan tersebut merujuk kepada apa? Kenapakah corak tersebut diletakkan pada lapisan paling atas? Lapisan paling atas merujuk kepada apa?
- Terdapat dua buah gambaran berbeza pada lapisan tengah dan paling bawah. Terangkan apa yang anda lihat. Kenapakah si seniman mencetak gambar masyarakat Penan pada lapisan tengah? Lapisan tengah merujuk kepada apa?

**Membalak Jangan Seberangan Nanti Ditimpa Balak II**

1990, acrylic, ink and mengkudu dye on canvas, 122 × 102 cm
Collection of Tan Sri Nazir Razak

7. Warna merah yang terdapat dalam karya ini dihasilkan daripada *mengkudu*, sejenis pokok yang digunakan oleh orang Penang untuk menghasilkan dakwat. Seniman ini menggagaskan bahawa alam sekitar boleh dimanfaatkan sebagai seni dan ia juga dapat memberi ilham. Walau bagaimanapun, sumber alam inilah juga yang sedang dimusnahkan.

- Karya di bawah mirip dengan corak tekstil. Seperti apakah corak-corak tekstil dalam karya ini? (corak-corak ini menyerupai apa?)

**Membalak Jangan Seberangan Nanti Ditimpa Balak - Rumbia**

1990, cetakan sutera saring dan akrilik di atas kanvas, 122 × 92 cm
Himpunan the Estate of Nirmala Dutt

CIPTA

SENI CETAK DIY

Hasilkan cetakan anda sendiri menggunakan teknik tampalan sayur-sayuran!

Bahan-bahan yang diperlukan:

- Akrilik atau cat tempera
- Pen, pensel atau pen penanda
- Pinggan kertas atau papan pelet melukis bersaiz besar
- Pisau dapur
- Kertas Art Block atau kain putih
- Dedaun dan sayur-sayuran seperti: kentang, bendi, bawang, daun seleri, lada gembala, atau pelbagai tumbuhan lain.

Cara-cara

- Kumpulkan daun (daun kering juga boleh) dan sisa sayuran lalu minta ibu atau bapa anda potong sayur-sayuran tersebut mengikut corak yang disukai. Anda boleh memotongnya dalam bentuk-bentuk yang berbeza.
- Curahkan cat pilihan anda ke dalam pinggan kertas atau papan pelet.
- Kecap sayur-sayuran anda tadi pada cat tersebut dan tancapkan pada kain putih atau apa-apa permukaan.
- Cubalah corak-corak lain. Anda juga boleh menggunakan pen, pensel atau pen penanda untuk melakarkan garis atau melakar apa-apa lukisan.

GLOSARI

Cetakan saring Merupakan sebuah seni cetakan di atas permukaan kertas yang dihasilkan dalam beberapa salinan. Ia bukannya dihasilkan dengan melakar secara langsung di atas permukaan, tetapi dengan proses pemindahan. Seniman memulakan proses tersebut dengan menghasilkan sebuah komposisi pada permukaan lain, misalnya besi atau kayu. Proses pemindahan terjadi apabila permukaan tersebut disapukan dengan dakwat lalu diletakkan di atas sekeping kertas. Proses cetakan kemudiannya dimulakan. Empat teknik cetakan yang biasa dilakukan adalah torehan kayu, goresan, litografi, dan cetakan saring. **Komposisi** Gabungan dan susun atur pelbagai unsur sehingga menjadi sebuah karya seni; ia juga merujuk kepada sebuah karya seni, muzik, atau sastera, atau struktur dan tubuhnya.

TSUNAMI



Tsunami 2004 – 2005 IX
2005, akrilik atas kanvas, 101 x 91 cm
Himpunan Persendirian



Tsunami 2004 – 2005 XII
2005, akrilik atas kanvas, 101 x 91 cm
Himpunan Persendirian

9. Tsunami merupakan sejenis ombak besar yang terhasil daripada gempa bumi di dalam laut. Ia terjadi secara alami dan digelar sebagai “Bencana Alam.” Bencana alam bukan hanya boleh memusnahkan sesebuah negara tetapi juga memberi kesan kepada masyarakat antarabangsa dengan adanya teknologi media pada hari ini.

- Apakah pendapat anda tentang sifat dua wajah alam? Antara kebolehannya untuk merembes kecantikan dan memberikan sumber kepada manusia dan juga kemampuannya untuk memusnah.



Tsunami 2004 – 2005 VI
2005, akrilik atas kanvas, 101 x 91 cm
Himpunan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah,
Universiti Sains Malaysia

Walaupun peristiwa Tsunami sudah lama terjadi, adakah anda masih dapat merasai kesannya melalui lukisan-lukisan Nirmala Dutt? Fikirkan bagaimana bencana alam di seluruh dunia dan di tempat anda sendiri boleh memberi kesan kepada anda?

8. Pada 26 Disember 2004, gempa bumi ketiga terkuat di dunia terjadi di pantai Sumatra. Ombak Tsunami dari Lautan Hindi telah meragut nyawa lebih 200,00 orang penduduk di 14 buah negara di sepanjang lautan tersebut. Selepas menonton berita tentang peristiwa tersebut dan melihat kesan-kesannya, Nirmala Dutt meluahkan perasaan dan pandangannya tentang tragedi tersebut melalui seni.

- Kenal pasti unsur-unsur yang terdapat di dalam lukisan-lukisan tersebut. Seperti apakah unsur-unsur tersebut?
- Renung setiap lukisan dan kemudian perhatikan kesemuanya. Apakah perasaan anda? Adakah anda berasa tenang atau gemuruh? Terdapatkah perasaan sedih dalam lukisan tersebut?
- Berdasarkan lukisan tersebut, sensasi apa yang dapat anda rasai? Bayangkan bagaimana rasa dan bunyi ombak.

GREAT LEAP FORWARD

Karya ini adalah sebahagian daripada siri karya Nirmala Dutt yang berjudul *Great Leap Forward*. Judulnya merujuk kepada nama dasar sosio-ekonomi yang dibangunkan oleh pemimpin Komunis China, Mao Zedong pada akhir tahun 1950-an.



Great Leap Forward V - Twin Towers
1998, akrilik atas kanvas, 102 x 92 cm
Himpunan Shantini Vanniasingham

HOMELESSNESS

11. Karya *London's Homeless* dihasilkan semasa Nirmala masih tinggal di United Kingdom pada tahun 90-an. Ketika itu beliau masih melanjutkan pelajaran pada peringkat pasca-sarjana dalam bidang seni cetak di University College London dan Goldsmiths, University of London. Beliau bermain-main dengan gagasan tentang penderitaan, dan antara karya beliau yang paling terkenal semasa di London adalah karya goresan tentang orang yang tidak berumah di London.

- Apakah maksud tidak memiliki kediaman? Bayangkan cabaran yang dihadapi oleh orang yang tidak berumah? Pada pendapat anda, adakah seniman ini berjaya merakam masalah dan keadaan hidup orang yang tidak berumah?

10. Karya ini terdiri daripada sebuah gambar Menara Berkembar yang berlatar belakangkan huruf M. Selepas Menara Berkembar siap dibina pada akhir tahun 90-an, ia menjadi sebuah lambang kepada pembangunan dan pemodenan. Ia menjadi salah sebuah bangunan tertinggi di dunia. Bangunan tersebut digandingkan dengan bentuk segi tiga yang barangkali merujuk kepada *Kayon* atau *Gunungan* yang terdapat di dalam persembahan wayang kulit.

- Siri karya ini merakam gambar-gambar orang yang sedang berpelukan, bersandar, dan mengerekot antara satu sama lain. Apakah maksudnya? Apa kepentingan pelukan dan mengerekot? Apakah yang dicerminkan daripada kerapatan ini terutama sekali ketika orang perlu menjaga jarak ketika wabak COVID?

Masalah ketiadaan rumah bukan hanya ditemui dalam pengalaman Nirmala Dutt di London. Ia turut berlaku di pelbagai tempat di dunia, termasuk Malaysia. Fikirkan tentang karya *Kenyataan*.

Perhatikan karya ini dan fikirkan tentang apakah yang dialami oleh mereka yang hidup di dalam kemiskinan ketika masyarakat dunia sedang maju dan membangun?

- Apakah pesanan yang ingin disampaikan apabila seniman ini menggandingkan motif-motif tradisional (segi tiga) dengan lambang-lambang kemodenan (Menara Berkembar)?
- Berdasarkan judul serta karya siri ini, pada pendapat anda apakah pandangan Nirmala tentang pembangunan di Malaysia? Adakah beliau optimistik atau pesimistik?
- Pada pendapat anda, adakah pembangunan dan perindustrian adalah lambang kepada “great leap forward”? Bagaimanakah cara untuk memastikan bahawa alam sekitar, kemodenan, dan teknologi masa depan dapat wujud bersama-sama dengan lestari?



London's Homeless V (AP)
1993–1995, Litograf dengan lukisan tangan
14,5 x 31 cm
Himpunan the Estate of Nirmala Dutt

CIPTA

SEBUAH CATATAN SENIMAN

Lakarkan kehidupan anda dan orang yang anda temui.

Hasilkan sebuah jurnal yang merakam kehidupan harian anda. Lakar bayang-bayang atau tubuh orang yang anda temui. Ingin, ilham boleh datang dari pelbagai sumber.

GLOSARI

Lakaran Merupakan sebuah unsur asas dalam sesebuah komposisi. Ia biasanya dihasilkan secara kasar dan cepat. Lakaran boleh menjadi sebuah karya siap atau rangka bagi sesebuah karya lain.



Vietnam
1981, akrilik atas kanvas, 102 x 201 cm
Himpunan Balai Seni Negara

Nirmala Dutt sangat terkesan apabila beliau membaca berita tentang peperangan dan konflik yang terjadi di merata dunia. Antaranya adalah Perang Vietnam yang terjadi 20 tahun dahulu dan berakhir pada tahun 1975.

Dalam karya beliau tentang keganasan di Vietnam, gambar-gambar ibu yang sedang meratap dan kanak-kanak yang menjadi pelarian dan tentera, diulang-ulang untuk menekankan penderitaan yang mereka alami. Teknik berusan Nirmala yang dipinjam daripada teknik berusan Cina merakam tahap kemarahan beliau terhadap sikap tidak berperikemanusiaan kita, dan keganasan dan kemusnahan yang diakibatkan oleh perang ke atas perempuan dan kanak-kanak.

Fikir tentang tempat-tempat lain yang sedang bergolak. Bayangkan bahawa anda merupakan seorang pelarian yang sedang meninggalkan negara dan rumah anda kerana perang dan konflik. Tuliskan sebuah cerita atau hasilkan sebuah karya seni yang menerangkan perasaan anda itu.

GLOSARI

Kaligrafi Merupakan sebuah seni abstrak yang paling tua di dunia. Ia merupakan seni yang menggunakan garisan. Unsur visual yang paling asas dalam karya kaligrafi sendiri mampu menjadi sebuah perlambangan yang kuat. Kelembutan berus yang digunakan dalam seni kaligrafi sangat sensitif dengan tekanan, arah, dan kelajuan bahu, tangan, dan jari si seniman kaligrafi. Hal ini mengambil kira kebolehan unik berusan kaligrafi dalam merakam tenaga kinetik yang mengalir dalam tubuh seniman kaligrafi semasa proses penghasilannya.

ILHAM 

Tingkat 3 & 5, Menara Ilham
No. 8, Jalan Binjai
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Waktu buka: Selasa – Sabtu 11pg – 7ptg
Ahad 11pg – 5ptg. Tutup pada setiap
Isnin dan cuti awam.*

   ilhamgallerykl
www.ilhamgallery.com

Gambar kulit hadapan
Self-potret (work-in-progress)
1999

Foto dan akrilik atas kanvas
40.5 x 40.5 cm
Himpunan the Estate of Nirmala Dutt